

## Utara

# Penduduk rayu segera baiki jalan

Laluan sepanjang 5km didakwa diturap kali terakhir 18 tahun lalu

Oleh Safuri Kamarudin  
bhnews@bh.com.my

**Baling:** Lebih 800 penduduk Kampung Padang Cik Mas, di sini, meminta kerajaan memperbaiki jalan kampung yang rosak sehingga menyusahkan mereka yang melaluinya untuk ke bandar.

Jalan sepanjang lima kilometer (km) dari kampung berkenaan melalui Kampung Jenalik dan Kampung Bongor, berlubang dan menjadi becak serta berselut sehingga menyusahkan dan membahayakan pengguna.

Penduduk mendakwa jalan yang diturap kali terakhir 18 ta-

**Apabila hujan lebat, jalan akan berair dan berselut, malah pernah ada pelajar sekolah terjatuh ketika menunggang motosikal untuk ke sekolah.**

**Mohd Zubir Daud,**  
Penduduk



**Penduduk menunjukkan jalan keluar** melalui Kampung Jenalik untuk ke Pekan Baling rosak teruk.

(Foto Safuri Kamarudin/BH)

hun lalu itu.

Penduduk, Mohd Zubir Daud, 34, berkata setiap kali hujan lebat, jalan itu tidak boleh dilalui kenderaan termasuk motosikal.

“Saya harap pihak berwajib dapat memperbaiki semula jalan yang rosak ini kerana ia menjadi laluan

utama penduduk ke pekan.

“Apabila hujan lebat, jalan akan berair dan berselut, malah pernah ada pelajar sekolah terjatuh ketika menunggang motosikal untuk ke sekolah,” katanya.

Mohd Asrul Hussain, 44, pula berkata jalan itu semakin berba-

haya berikutan musim hujan sudah bermula.

“Saya harap pihak berkuasa dapat membantu memperbaiki jalan ini segera kerana ia turut menjadi laluan penduduk kampung membawa hasil pertanian keluar,” katanya.